

24/06/2002

Malaysia, Luxembourg meterai perjanjian udara

IPOH, Ahad - Malaysia dan Luxembourg dijangka menandatangani perjanjian ruang udara terbuka Ogos depan, sekali gus membuka jalan kepada hubungan pengangkutan udara lebih mantap antara kedua-dua negara.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata kedua-dua negara sudah bertukar dokumen berhubung perkara itu ketika beliau mengiringi lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara itu, baru-baru ini.

Perjanjian itu dijangka ditandatangani apabila Menteri Ekonomi dan Pengangkutan Luxembourg, Henri Grethen melawat Malaysia Ogos depan.

Selain perjanjian ruang udara terbuka, kedua-dua negara akan menandatangani perjanjian mengelak cukai berganda.

"Kita amat berminat menjalin hubungan lebih rapat dengan Luxembourg, terutama hubungan pengangkutan udara kerana negara itu mempunyai syarikat kargo udara antara yang terbesar dunia.

"Dengan cara ini kita boleh menarik lebih banyak penerbangan dari negara itu ke sini, sekali gus memberi faedah kepada lapangan terbang kita," katanya di sini, hari ini.

Terdahulu, beliau yang juga Presiden MCA merasmikan Konvensyen MCA Perak yang dihadiri kira-kira 1,000 perwakilan dari seluruh negeri.

Dr Ling berkata, hubungan erat dengan Luxembourg membolehkan Malaysia mempelajari banyak bidang strategik yang jauh lebih maju walaupun negara itu kecil dan mempunyai 450,000 penduduk.

Katanya, negara itu walaupun kecil dan tidak mempunyai banyak sumber asli, mempunyai 180 bank antarabangsa serta 1,900 syarikat pengurus dana.

Beliau berkata, ini menunjukkan kebijaksanaan pemimpin merancang strategi pembangunan dan mendapat sokongan kuat rakyat.

(END)